

KENYATAAN MEDIA

SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN

EAIC SYOR SOP KHUSUS TATACARA PENGGUNAAN KAMERA BADAN OLEH JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA

UNTUK SIARAN SEGERA
18 OGOS 2025

EAIC telah menerima aduan berhubung dakwaan kekasaran oleh pegawai Jabatan Imigresen Malaysia Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JIM WPKL) terhadap seorang individu semasa operasi penguatkuasaan pada 25 Jun 2024. Berikutan itu, siasatan telah dilaksanakan mengikut peruntukan subseksyen 27(4) Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [*Akta 700*].

HASIL SIASATAN

- (i) Kertas siasatan polis yang dibuka berkaitan insiden ini telah diklasifikasikan sebagai Tiada Tindakan Lanjut (*No Further Action – NFA*) oleh pihak Timbalan Pendakwa Raya.
- (ii) Berdasarkan keterangan, individu yang membuat aduan tidak dapat mengesahkan atau mengenal pasti mana-mana pegawai atau anggota yang didakwa mengasarkannya;
- (iii) Rakaman kamera badan (*body camera*) tidak dapat diperolehi kerana data rakaman hanya disimpan selama 30 hari;
- (iv) Rakaman Kamera Litar Tertutup (CCTV) di lokasi kejadian tidak dapat diperolehi kerana peralatan CCTV tersebut telah dicabut secepat selepas pihak JIM WPKL menyerbu masuk ke premis tersebut; dan

- (v) Semua pegawai dan anggota JIM WPKL yang terlibat dalam operasi berkenaan telah memberikan keterangan menafikan sebarang kekasaran atau tindakan memukul individu terbabit.

SYOR

Sehubungan itu, EAIC mengemukakan syor kepada Ketua Pengarah JIM supaya mewujudkan Prosedur Operasi Standard (SOP) khusus bagi tatacara pemakaian dan penyimpanan rakaman kamera badan oleh pegawai serta anggota JIM yang terlibat dalam operasi penguatkuasaan.

Syor ini bertujuan memastikan ketelusan pelaksanaan tugas dan mengelakkan sebarang tohmahan daripada orang awam pada masa hadapan. Pelaksanaan SOP ini adalah penting bagi memastikan integriti dan akauntabiliti agensi penguatkuasaan serta mempertingkatkan kepercayaan awam terhadap agensi.

#TAMAT#

**SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC)
PUTRAJAYA**

Untuk maklumat lanjut sila hubungi Unit Komunikasi Korporat EAIC di talian 03 8880 5719 / 03 8880 5721 / 03 8880 5731.